



Saleha Idris
PhD Dakwah & Pengurusan Islam
(fokus Psikologi), Inspirator Psikologi
Keubudayaan, Persiaran

HARI RAYA DI ALAM MAYA VS ALAM REALITI

Allahu Akbar... Allahu AkbarWa lillahilhamd.
Hari gembira umat Islam tiba lagi. Semangat dan kegembiraan hadir dengan iringan takbir, tahmid dan tahmid. Umat Islam menang lagi. Mengalahkan amalan kebiasaan nafsu dan diri. Selama 30 hari kita melawan kebiasaan makan dan minum. Kita tadarus dengan Al-Quran setiap hari. Ada yang sayu bulan Ramadhan berakhir kembali. Sarat pilu ke relung hati. Masihkah mampu bersua dengan bulan kemuliaan dan pengampunan diri ini?

MENYAMBUT KEMENANGAN

Hari raya Idulfitri kemenangan yang kita syukuri. Bermula lah pesta kemenangan umat Islam. Kita refleksi dalam pelbagai wajah. Bagi kita yang berada di negara zamrud untai khatulistiwa bumi

Malaysia, sambutanannya masih sama seperti umat Islam di negara lain. Kita berpakaian di masjid. Mengalun takbir. Menziarahi perkuburan. Pulang ke rumah salam ayah ibu dan keluarga. Menikmati hidangan enak hari raya. Ketupat, lempang, kuih dan muih beraneka nama

dan warna. Begitulah suasana hari raya yang kita lalui saban masa.

Trend ini makin lama makin berkembang. Ditambah pula dengan penggunaan teknologi yang banyak memudahkan urusan manusia. Mudah, cepat dan pantas. Adalah nilai yang

diperlukan oleh generasi kini. Ada remaja, yang hanya berdiam diri di dalam bilik atau di rumah. Tidak mahu mengikut ibubapa mereka menziarahi jiran dan saudara mara.

Kata mereka, "kami juga berukhuwah melalui alam maya". Ibubapa juga ketika itu tidak tahu mahu buat apa lagi. Dipaksa dan dileter sama juga kesannya nanti. Daripada sakit hati baik pergi sendiri. Lama kelamaan, anak anak dengan dunia sendiri. Tidak tahu erti ukhuwah tuntutan nabi. Hari raya yang sepatutnya dihiasi dengan fitrah insani masa kosong tidak bererti.

FUNGSI GAJET DI HARI RAYA

Penggunaan gajet bukanlah hal baru lagi di kehidupan remaja dan anak anak zaman kini. Gajet bukan hanya dijadikan pembantu kehidupan ataupun alat komunikasi dengan dunia luar, tapi juga dijadikan teman untuk mengisi waktu luang, seperti penggunaan internet, bermain game, mendengar muzik, menyimpan memori dalam foto dan video.

terdapat 70% pelajar yang menyatakan bahawa mereka memiliki gajet kerana ingin mengikuti kemajuan teknologi. Seramai 10% pelajar lainnya memiliki gajet kerana diberi oleh orang tua mereka. Selain itu, pelajar memiliki kemudahan ini kerana ingin mendapatkan kemudahan dalam komunikasi.

Pada hari raya pun, gajet di touch up dan di make up. Selain mahu dipuji dengan baju yang cantik di hari raya. Mereka juga mahu phone atau tab mereka punya aksesori yang cantik. Biar mereka tidak diketawa kerana ketinggalan. Penggunaan gajet membaluti seluruh paksi kehidupan daripada telefon, sms, game, dan membuka jejaring sosial seperti facebook ataupun twitter.

KESAN POSITIF gajet

Semua ini memberi impak yang baik apabila digunakan dalam perkara yang baik. Andai kita gunakan hanya sekali sekala dalam tujuan yang baik. Seperti membuat video youtube dan sampaikan kepada keluarga yang jauh. Menyimpan kenangan dan memori bersama keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga. Menyampaikan ucapan selamat buat semua saudara dan sahabat handai.

Impak positif ini juga ketara apabila kita berkomunikasi dan membaca wall dan page di facebook. Tentang suasana hari raya di tempat lain atau negara lain. Dengan demikian, kita dapat mengembangkan jaringan sosial dan antarabangsa seperti yang dikehendaki dalam era digital ini.

Nah, dengan hal itu remaja menjadi lebih bersahabat, perhatian dan empati. Gajet juga mempermudah kita untuk menyelesaikan tugas-tugas secara cepat, dan dapat digunakan sebagai media berbisnes secara online. Kita dapat mengikuti perkembangan zaman dalam era globalisasi ini, sehingga kita tidak menjadi gagap teknologi.

KESAN NEGATIF gajet

Ramai yang menganggap gajet adalah sebahagian dari hidup anak-anak dan remaja. Apabila ke mana-mana. Perkara yang kita mesti bawa bersama adalah smart phone kita. Jika hilang, menangis meronta dan memberontaklah jiwa kita. Ia sudah menjadi seperti darah daging bagi kita.

Kita tidak mengeneikan kepentingan smart phone di dalam hidup kita. Ia adalah sebahagian cara kita berkomunikasi. Namun jangan sampai ketagih abadi. Sehingga kita lupa mengangkat muka dan senyum melihat wajah saudara mara. Hingga kita lupa perbualan sesama keluarga.

Jika pulang kampung, fenomena yang kelihatan. Anak anak dan remaja dengan telefon masing-masing. Yang remaja melayan lagu dan artis Korea. Yang kanak kanak dengan game dan youtube Didi, Upin Ipin dan BoBoi. Apakah ia salah? Tidak salah. Namun mesti dalam konteks dan masa yang betul.

Kita ini manusia berjiwa dan berhati merah. Janganlah bangkit hari raya kita lupa takbir dan tahmid. Hanya melayan untuk membalas whatsapp, tweet, wechat dan status fb. Ajari anak anak kita juga untuk berkomunikasi dan menggunakan dalam masa dan tempat yang betul. Jangan jaadikan anak anak kita

sebagai budak gajet. Apabila ketagih gajet, menyebabkan anti social. Iaitu seorang anak tidak mahu bermain bersama teman maupun lingkungan sekitarnya. Dengan adanya gajet, remaja dapat mengurung diri kerana dengan segala aplikasi permainan di dalamnya. Anak kecil dan remaja juga susah untuk berkreatif serta menjadi malas berkomunikasi di dunia nyata.

Apabila mahu bersembang dengan orang lebih tua juga terganggu kerana tahap pemahaman bahasa yang berbeza. Kebanyakan anak remaja tidak menggunakan Bahasa Melayu Tinggi atau ejaan dan tatabahasa yang sesuai. Hal ini menyebabkan mereka mempunyai keterbatasan berkomunikasi di jejaring sosial dan di dunia nyata. Ia membawa kesan yang kurang baik apabila hi tech (sentuhan teknologi) hanya dipedulikan. Manakala heart touch (sentuhan hati) diketepikan dan dilupakan.

KESIMPULAN

Hari raya adalah bulan kesyukuran dan kegembiraan. Penuhi ia dengan warna warni rasi nangat kasih sayang dalam kekeluargaan. Jangan biarkan alat teknologi menguasai kehidupan yang landai dan suram.

Tinggalkan kenangan indah berkeluarga dan bersaudara mara. Dalam setiap tilik ukhuhwah ada keberkatan yang terindah. Gadget memberi makna membaluti diri dan kehidupan. Beri makna dengan manfaatkan kehidupan di hari raya penuh keberkatan.

Selamat berhari raya. Maaf zahir dan batin.

